

# Pengurusan Rekod Terbaik 2016: UMS capai penarafan 5 bintang

NST 28.9.2016 5

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus unggul dalam aspek tadbir urus pengurusan rekod universiti apabila menerima pengiktirafan melalui penarafan lima bintang dan sekali gus dinobatkan sebagai Universiti Awam (UA) Terbaik dalam Pengurusan Rekod bagi tahun 2016.

Penarafan berkenaan dicapai hasil dapatan audit yang dijalankan oleh Arkib Negara Malaysia terhadap pelaksanaan tadbir urus pengurusan rekod di UMS baru-baru ini.

Pencapaian tersebut turut menyaksikan UMS sebaris dengan dua lagi UA, iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang turut menerima penarafan lima bintang, serta berada di hadapan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mendapat penarafan empat bintang.

Perkara itu diumumkan dalam satu acara penyampaian sijil penghargaan kepada wakil universiti awam bersempena Majlis Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik 2016 Peringkat Universiti Awam di bangunan Arkib Negara Malaysia, yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Dr. Junaida Lee Abdullah kelmarin.

Pelaksanaan Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik ke atas agensi-agensi kerajaan antara lain adalah bagi menilai dan mengukur prestasi pengurusan rekod bagi memastikan pelaksanaan program pengurusan rekod berada di tahap cemerlang, memberi pengiktirafan kepada penjawat awam yang telah melaksanakan tadbir urus pengurusan rekod terbaik dan cemerlang, dan menggalakkan persaingan sihat dalam pembudayaan program pengurusan rekod yang kondusif.



SAMPAIKAN...Dr. Junaida (dua dari kiri) menyampaikan sijil penarafan lima bintang kepada Pendaftar UMS, No'man Ahmad (kanan).